



**PERSIDANGAN PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA, TAHUN PERTAMA  
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**TARIKH :  
20 DISEMBER 2022 (SELASA) / 25 JAMADILAWAL 1444H**

**JAM :  
10.00 PAGI**

**TEMPAT :  
DEWAN NEGERI, ARAS 2  
BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN**

**MESYUARAT KEDUA, TAHUN PERTAMA  
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS  
PERAK DARUL RIDZUAN**

---

**PERSIDANGAN PERTAMA**

Pada hari Selasa, 20 Disember 2022  
Di Dewan Mesyuarat, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh  
Mulai jam 10.00 pagi

**YANG HADIR:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan  
Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan  
Cik Jenny Choy Tsi Jen  
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Canning )

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Saarani bin Mohamad  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Tampan )

Yang Berhormat Dato' Mohd Zolkafly bin Harun  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Lintang )

Yang Berhormat Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Rapat )

Yang Berhormat Encik Sivanesan a/l Achalingam  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungkai )

Yang Berhormat Encik Loh Sze Yee  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Jalong )

Yang Berhormat Puan Salbiah binti Mohamed  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Temengor )

Yang Berhormat Encik Teh Kok Lim  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Aulong )

Yang Berhormat Cik Sandrea Ng Shy Ching  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Teja )

Yang Berhormat Encik Khairudin bin Abu Hanipah  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Belanja )

Yang Berhormat Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Tualang Sekah )

Yang Berhormat Encik Woo Kah Leong  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Pasir Bedamar )

Yang Berhormat Encik Nga Kor Ming  
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Kepayang)

Yang Berhormat Dr. Abdul Aziz bin Bari  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Tebing Tinggi )

Yang Berhormat Puan Wong May Ing  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Pantai Remis )

Yang Berhormat Encik Muhamad Arafat bin Varisai Mahamad  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Kinta )

Yang Berhormat Encik Chaw Kam Foon  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Menglembu )

Yang Berhormat Encik Ong Boon Piow  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Bercham )

Yang Berhormat Encik Cheah Pou Hian  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Jelapang )

Yang Berhormat Puan Bavani a/p Veraiah  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Malim Nawar )

Yang Berhormat Puan Wong Chai Yi  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Simpang Pulai )

Yang Berhormat Puan Thulsi Thivani a/p Manogaran  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Buntong )

Yang Berhormat Encik Goh See Hua  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Pasir Pinji )

Yang Berhormat Puan Wasanthee a/p Sinnasamy  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Hutan Melintang )

Yang Berhormat Encik Jason Ng Thien Yeong  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Astaka )

Yang Berhormat Encik Tiw Tee Siang  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Tronoh )

Yang Berhormat Encik Ong Seng Guan  
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Pokok Assam)

Yang Berhormat Puan Koo Haai Yen  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Keranji )

Yang Berhormat Dato' Shahrul Zaman bin Yahya  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Rungkup )

Yang Berhormat Encik Ishsam bin Shahrudin  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Ayer Kuning )

Yang Berhormat Puan Salina binti Samsudin  
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Behrang)

Yang Berhormat Encik Azman bin Noh  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Pengkalan Baharu )

Yang Berhormat Encik Choong Shin Heng  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Chenderiang )

Yang Berhormat Tuan Haji Razman bin Zakaria  
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Gunong Semanggol)

Yang Berhormat Dato' Zainol Fadzi bin Paharudin  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Manik )

Yang Berhormat Encik Mohd Akmal bin Kamarudin  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Selama )

Yang Berhormat Dato' Abdul Yunus bin Jamahri  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kurau )

Yang Berhormat Encik Khalil bin Yahaya  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Kubu Gajah)

Yang Berhormat Kapt (B) Dato' Mohd Najmuddin bin Elias  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Kurau )

Yang Berhormat Puan Najihatussalehah binti Ahmad  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Bota )

Yang Berhormat Encik Mohd Hafez bin Sabri  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Manjoi )

Yang Berhormat Encik Rosli bin Abd Rahman  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Pasir Panjang )

Yang Berhormat Encik Hashim bin Bujang  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Chandan )

Yang Berhormat Encik Azizi bin Mohamed Ridzuwan  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Lubok Merbau )

Yang Berhormat Encik Rahim bin Ismail  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Changkat Jering )

Yang Berhormat Encik Mohamad Husairi bin Ariffin  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Kenering )

Yang Berhormat Encik Ahmad bin Man  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Sepetang )

Yang Berhormat Encik Sallehuddin bin Abdullah  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Selinsing )

Yang Berhormat Encik Nadziruddin bin Mohamed Bandi  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Changkat Jong )

Yang Berhormat Encik Berhanudin bin Ahmad  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Manong )

Yang Berhormat Puan Norhaslinda binti Zakaria  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Pangkor )

Yang Berhormat Encik Muhammad Faisal bin Abdul Rahman  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Trong )

Yang Berhormat Encik Mohamad Fakhruddin bin Abdul Aziz  
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Kamunting)

Yang Berhormat Encik Noor Azman bin Ghazali  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Alor Pongsu )

Yang Berhormat Encik Zafarulazhan bin Zan  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Kampong Gajah)

Yang Berhormat Encik Muhammad Zulfadli bin Zainal  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Slim )

Yang Berhormat Encik Muhammad Hakimi Hamzi bin Mohd Hayat  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Titi Serong )

Yang Berhormat Encik Mohamad Amin bin Roslan  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Pengkalan Hulu )

Yang Berhormat Encik Syed Lukman Hakim bin Syed Mohd Zin  
( Ahli Dewan Negeri Kawasan Chenderoh )

## **YANG TURUT HADIR**

(Mengikut Fasal XLVIII, Bahagian Pertama Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan)

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan  
(Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim)

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak Darul Ridzuan  
(Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin)

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan  
(Tuan Mohd Zaki bin Mahyudin)

## **SETIAUSAHA DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Encik Muhammad Nazri bin Abdullah

**SETIAUSAHA:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat sekalian sekarang kita mulakan Persidangan Pertama, Mesyuarat Kedua Tahun Pertama Dewan Negeri Yang Kelima Belas, Perak Darul Ridzuan pada hari Selasa 20 Disember 2022, jam 10.59 pagi dengan urusan perkara yang pertama iaitu bacaan doa.

Bismillahirrohmannerohim, segala puji bagi Allah selawat dan salam atas RasulNya, maka dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Pengasih Dewan Negeri ini dibuka. Ya Allah, yang bersifat Maha Hikmat, limpah keadilan yang menanggungkan kewajiban ke atas Raja dan Ahli Majlis permesyuaratan bagi mentadbir muslihat masyarakat pergaulan. Mudah-mudahan sentosa, aman, makmur limpah kebahagiaan meliputi sekalian penduduk Negeri Perak Darul Ridzuan. Ya Allah, kami sekalian hambaMu, yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajiban yang diamanahkan yang terutama bagi Negeri Perak Darul Ridzuan serta rakyatnya sekalian. Ya Allah, berkatmu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan, taufikMu, hidayatMu, dimohon menyuluh memandukan pada ketika kami berunding menimbang bertukar-tukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta berkeamanan menjunjung perintah dan kebesaranMu mudah-mudahan berlebih-lebih keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan serta penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohonkan doa kami diperkenan Amin Ya Allah seru sekalian alam.

Perkara yang kedua, Ahli Dewan Perak Darul Ridzuan mengangkat sumpah.

**DATO' YANG DI-PERTUA:** Sekarang saya mempersilakan Ahli Dewan Negeri Kawasan Keayang untuk tampil ke hadapan bagi mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan. Dipersilakan.

**YB ENCIK NGA KOR MING:** Adalah saya Nga Kor Ming yang telah dipilih sebagai sebagai seorang Ahli Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan bersumpah bahawa sesungguhnya saya dengan setianya akan menjalankan tanggungjawab saya dengan sedaya upaya saya, akan taat setia sepenuhnya kepada Negeri Perak Darul Ridzuan dan kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan. Bahawa saya Nga Kor Ming bersumpah dengan sesungguhnya akan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan mengikut undang-undang.

**SETIAUSAHA:** Perkara yang ketiga, Titah DiRaja Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bersempena Pembukaan Rasmi Tahun Pertama Dewan Negeri Yang Kelima Belas Perak Darul Ridzuan.

**DATO' YANG DI-PERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebentar lagi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan akan menzahirkan Titah DiRaja dan saya memohon untuk meninggalkan Dewan ini seketika bagi menyembah sila Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan berangkat ke Dewan Mesyuarat. Dewan dtempohkan seketika.

**[DEWAN DITEMPOHKAN SEKETIKA BAGI MENYEMBAH SILA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN BERANGKAT KE DEWAN MESYUARAT]**

**DATO' YANG DI-PERTUA:** Titah DiRaja Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

**TITAH DIRAJA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ  
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

1. Alhamdulillah, dengan limpah rahmat Ilahi, Pilihan Raya Umum Kelima Belas (PRU-15), telah diuruskan dengan sempurna pada 19 November 2022, berlangsung dalam suasana tertib dan aman. Beta menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, merangkumi Suruhanjaya Pilihan Raya, anggota perkhidmatan awam, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, RELA, pihak media, parti-parti politik dan rakyat jelata keseluruhannya yang telah memperlihatkan sikap bertanggungjawab yang tinggi, membolehkan pilihan raya berjalan lancar tanpa menjejaskan rutin harian kehidupan rakyat, juga membolehkan jentera pentadbiran negeri terus berfungsi secara normal. Pilihan Raya yang berlangsung dalam suasana tertib dan aman, dan bilangan pemilih yang turun mengundi, menunjukkan rakyat semakin matang menerima budaya dan semangat demokrasi yang membolehkan rakyat memilih kerajaan.

2. Daftar pemilih di peringkat negara meningkat 41.7%, dari empat belas perpuluhan sembilan juta (14,940,624) pemilih semasa PRU-14, kepada dua puluh satu perpuluhan dua juta (21,173,638) pemilih semasa PRU-15; manakala daftar pemilih di negeri Perak meningkat 34.9%, dari satu perpuluhan lima juta (1,510,392) semasa PRU-14, kepada lebih dua juta (2,036,872) pemilih semasa PRU-15. Buat julung kalinya warganegara yang berusia 18 tahun dan ke atas, secara automatik layak mengundi dan berpeluang mengambil bahagian memilih pemimpin. Hampir 51% pemilih berada dalam usia 39 tahun ke bawah; enam perpuluhan enam peratus (6.58%) berada dalam lingkungan usia 18 ke-20 tahun.



3. Bilangan yang turun mengundi di seluruh negara meningkat dari sebelas perpuluhan lima juta (11,447,150) pemilih semasa PRU-14, kepada lima belas perpuluhan tiga juta (15,341,705) pemilih semasa PRU-15. Satu perpuluhan lima juta (1,506,442) pemilih membuang undi di negeri Perak semasa PRU-15 berbanding satu perpuluhan satu juta (1,139,061) pemilih semasa PRU-14, untuk memilih 24 orang ahli Parlimen dan 59 orang ahli Dewan Negeri.

4. Gabungan parti politik yang bertanding atas nama PERIKATAN NASIONAL (PN) memenangi 26 kerusi Dewan Negeri, PAKATAN HARAPAN (PH) memenangi 24 kerusi, dan BARISAN NASIONAL (BN) memenangi 9 kerusi. Daripada segi jumlah undi yang diraih di peringkat negeri, PAKATAN HARAPAN memperoleh 632,885 undi, diikuti PERIKATAN NASIONAL memperoleh 455,734 undi, disusuli BARISAN NASIONAL memperoleh 380,816 undi. Maha Suci Allah Subhanahu Wata'ala yang berkuasa dan menjadi penentu atas segala yang berlaku selaras dengan firman yang terkandung dalam ayat 82-83 surah Yasin yang bermaksud:

'Sesungguhnya urusan Nya apabila Dia menghendaki sesuatu Dia hanya berkata kepadanya; "Jadilah!" maka jadilah sesuatu itu. Maha Suci (Allah) yang di tangan Nya kekuasaan atas segala sesuatu dan kepada Nya kamu dikembalikan'

5. Pada 21 November 2022, PAKATAN HARAPAN dan BARISAN NASIONAL telah mempersembahkan hasrat mahu bergabung untuk menubuhkan Kerajaan, dan menamakan ahli Dewan Negeri Kota Tampan dipertimbangkan mendapat perkenan Beta untuk dilantik sebagai Menteri Besar. Berpandukan Perkara XVI (2)-(a) Undang-undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, pada timbangan Beta, ahli Dewan Negeri Kota Tampan telah mendapat kepercayaan sebahagian besar ahli-ahli Dewan Negeri, maka Beta telah memberi perkenan beliau mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar Perak pada 21 November 2022. Selanjutnya, sepuluh orang ahli Dewan Negeri diperkenankan mengangkat sumpah jawatan sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 22 November 2022.

6. Tiga puluh lima orang ahli Dewan Negeri Perak kelima belas ialah ahli baharu, sementara 24 orang ialah ahli-ahli yang terus mendapat kepercayaan rakyat untuk mewakili mereka; dua orang daripadanya iaitu ahli Dewan Negeri Kota Tampan dan ahli Dewan Negeri Keayang merupakan ahli paling lama berkhidmat, menganggotai Dewan ini untuk penggal keenam berturut-turut. Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada ahli-ahli yang telah mendapat kepercayaan rakyat menganggotai Dewan yang mulia ini. Kepada yang berjaya, banyakkann bersyukur menghargai kurniaan Ilahi. Kepada yang tidak memperoleh kemenangan, banyakkann bermuhasabah memeriksa kelemahan dan kesilapan diri, dengan keinsafan bahawa Allah itu tidak zalim sifatnya. Beta menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mantan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri begitu juga ahli-ahli Dewan Negeri keempat belas atas khidmat yang telah dilaksanakan selama tempoh diamanahkan menganggotai Dewan yang mulia ini.

7. Pemimpin telah dilantik, kerajaan telah dibentuk. Mandat dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat untuk menjadi ahli Dewan Negeri merupakan suatu amanah dan tanggungjawab berat yang perlu dipenuhi, serta menuntut pengorbanan yang besar. Penuhi tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan ikhlas, jujur, adil

dan saksama berlandaskan perlembagaan - berteraskan undang-undang. Jauhi sifat-sifat angkuh dan bongkak dengan tidak mengamalkan budaya yang menang, menang semua; di sebaliknya, hendaklah bersifat adil mengagihkan peruntukan dan melaksanakan program pembangunan secara saksama tanpa prejudis - tanpa diskriminasi – tanpa penindasan kepada mana-mana pihak, kerana setiap pengundi ialah makhluk Ilahi dan setiap inci bumi di negeri ini terletak di bawah naungan takhta pemerintahan Paduka Seri Sultan Perak. Oleh itu rakyat jangan dihukum untuk menanggung kesusahan, di sebaliknya dengan menjunjung semangat demokrasi, kepentingan dan kebajikan setiap rakyat jelata hendaklah berada di hati pemimpin dan senantiasa diutamakan.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

8. Penduduk di negeri Perak berjumlah dua perpuluhan lima dua juta (2,521,700) orang, mengandungi tiga kaum terbesar, 61.5% Melayu dan bumiputera, 26.7% Cina, dan 11.3% India. Rakyat yang berbilang kaum ini, mengamalkan pegangan agama yang berlainan, mewarisi budaya yang beraneka dan menguasai pelbagai bahasa. Banyak negara di dunia berakhir dengan perang saudara kerana rakyatnya memilih untuk berbalah, bertelagah, bersengketa dan berkonfrontasi atas faktor-faktor perbezaan kasta, kaum, warna kulit dan agama. Jika perbezaan yang mahu diberikan fokus, maka kita sebenarnya memilih menulis resipi untuk melahirkan warga yang akan berselisih, berkonflik, dan berpecah belah. Jika kita mahu memperbesarkan perbezaan, kita sebenarnya telah memilih membina tembok pemisah untuk tidak memungkinkan terbinanya masyarakat yang bersatu, masyarakat yang menerima dan meraikan perbezaan, masyarakat yang menghormati realiti kepelbagaian, dan masyarakat yang melihat kepelbagaian secara positif yang mengandungi kekayaan dan kekuatan. Di sebaliknya, jika secara bijak, perbezaan berjaya didandan dan dipintal, akan teranyam hamparan keharmonian yang indah lagi berwarna-warni.

9. Persefahaman dan hubungan yang harmoni antara kaum merupakan faktor penentu untuk menjamin suasana hidup bernegara dan bernegeri yang aman dan harmoni. Negara dan negeri yang warganya hidup dalam aman dan harmoni akan dapat menumpukan fikiran, tenaga dan usaha, untuk menarik pelabur dan pelancong, meningkatkan pertumbuhan ekonomi, merencanakan pembangunan negeri dan melimpahkan kemakmuran kepada rakyat. Oleh yang demikian pandangan ekstrem berunsur kaum dan agama, berbentuk hasutan yang boleh menyemaikan rasa benci serta berpotensi mencetuskan permusuhan sesama warga wajib dihentikan. Tindakan tegas lagi segera wajib diambil untuk menghentikan aktiviti mana-mana pihak sama ada secara ucapan atau perbuatan yang meracuni fikiran dan membakar emosi rakyat dengan mengeksploitasi isu-isu agama dan kaum. Bumi ini tidak boleh dibenarkan untuk disemai dengan rumpai-rumpai beracun yang boleh membunuh pohon perpaduan; langit di negeri ini jangan sama sekali dibenarkan untuk diselubungi awan-awan berasid (acidic) yang akan menghujani bumi dengan fahaman ekstremis berlandaskan perkauman dan berpaksikan agama. Tindakan segera Polis Diraja Malaysia pasca pilihan raya, mengambil langkah-langkah preventif untuk menjamin ketenteraman awam, merupakan tindakan yang tepat.

10. Negara ini memiliki elemen yang begitu mudah dieksploitasi untuk mencetuskan anarki. Kerukunan perhubungan kaum yang telah diasaskan sejak era

pra-merdeka dan terus dipupuk sepanjang era pascamerdeka, tidak boleh diperjudikan kerana permainan politik yang berunsur meracuni fikiran dan membakar emosi rakyat. Oleh itu, setiap individu berperanan untuk memastikan hubungan harmoni antara kaum terus disuburkan dan persefahaman antara pengikut pelbagai agama terus dipupuk. Warga di negara ini, terutamanya generasi muda perlu diberikan bimbingan dan fahaman mengenai sistem berkerajaan dan bernegara yang berteraskan doktrin demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan; serta pentingnya warga memahami dan menghayati lima prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara untuk dijadikan pedoman dalam usaha mahu memupuk warga yang bersatu padu, hidup penuh harmoni dalam sebuah negara merdeka yang berdaulat, aman lagi makmur.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

11. Islam hendaklah dilihat sifatnya sebagai rahmatan lil-alamin, iaitu rahmah bagi keseluruhan alam. Islam berpegang teguh kepada prinsip keadilan sejagat, menyeru kepada keamanan dan memelopori kedamaian. Daripada perspektif Islam, kewujudan beraneka agama dan budaya, merupakan sebahagian daripada tanda kebesaran Ilahi yang menjadikan alam ini dan penghuninya berbagai-bagai rupa dan bangsa, seperti yang terkandung dalam ayat 118, Surah Hud yang bermaksud; “Dan sekiranya Tuhan mu menghendaki, nescaya Ia jadikan manusia (semua) satu umat, tetapi tetap mereka berselisih (berbeza-beza),” (Surah Hud, Ayat 118).

12. Asas hubungan antara umat Islam dan bukan Islam adalah toleransi, ihsan dan juga perdamaian. Pergaulan umat Islam bersama bukan Islam bukanlah perkara baharu, malah telah berlaku sejak zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam dalam pelbagai urusan seperti muamalat, perjanjian dan perdamaian. Bahawa tidak ada salahnya mengadakan hubungan baik dengan bukan Islam untuk kebaikan bersama agar warga dapat hidup dalam suasana aman dan damai, malah usaha menyatukan ummah merupakan salah satu tuntutan Ilahi berpandukan firman Allah dalam ayat 8, Surah al-Mumtahanah yang bermaksud;

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil”.

13. Ambillah iktibar hikmah yang tersirat di sebalik Perjanjian Hudaibiyah yang membuka jalan kepada pembebasan Mekah dan penyatuan perhubungan orang Islam dengan kabilah Arab lain, membolehkan masyarakat hidup secara aman dan damai. Corak kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam sewaktu memimpin masyarakat pelbagai bangsa dan berlainan agama di Madinah, perlu dijadikan teladan. Semangat kerjasama antara kaum yang berlainan agama ini menjadi asas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan pencapaian kemerdekaan pada tahun 1957 yang disusuli pada tahun 1963 dengan pembentukan negara Malaysia. Segala bentuk ancaman dan cabaran yang boleh mencetus pertelingkahan antara kaum, agama dan ideologi politik, hendaklah diuruskan dengan berhikmah dan bijaksana, agar penyelesaian jangka panjang berjaya diolah dan dicapai.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

14. Ekonomi dunia 2023 masih tidak menentu, dikatakan berada di perairan yang sangat bergelora. Dijangkakan langit ekonomi dunia pada tahun 2023 berkemungkinan besar berawan mendung. Pada tahun 2023, dunia diramalkan menghadapi pertumbuhan ekonomi yang perlahan malah mungkin menguncup. Kelembapan ekonomi akan berlaku. Pendapatan syarikat dan individu berkemungkinan berkurangan, permintaan luar negara mungkin menyusut, dan perbelanjaan pengguna mungkin menurun.

15. Politik dan ekonomi mewujudkan hubungan saling berkait antara satu sama lain. Kajian dan pengalaman di negara-negara membangun mendapati, pembangunan ekonomi boleh dicapai melalui kestabilan politik. Kestabilan politik merupakan penentu kepada pemulihan dan pembangunan ekonomi. Menyedari senario tersebut, kerajaan Beta akan berusaha memastikan ekosistem politik berada dalam keadaan yang stabil. Ekonomi negara pasca Covid-19 telah menunjukkan momentum pemulihan. Semoga momentum pemulihan ekonomi negara akan dapat diperkukuhkan setelah berakhirnya PRU-15 dan tertubuhnya kerajaan baharu di peringkat Persekutuan dan juga negeri. Semoga akan berlaku kestabilan landskap politik yang membolehkan negara lebih banyak dapat menumpukan fikiran, usaha dan sumber untuk menjahit luka dan menyembuhkan parut ekonomi yang dialami disebabkan pandemik Covid-19 yang dikembari ketidakstabilan politik.

16. Rakyat memerlukan tadbir urus ekonomi yang cekap untuk membolehkan kegiatan ekonomi kembali rancak. Rakyat mahukan kerajaan yang berupaya dan bertenaga untuk mentadbir urus negara membawa pertumbuhan ekonomi yang bermakna. Rakyat mahukan kerajaan yang bijak mengurus sumber-sumber negeri, dan tegas mengawal ketirisan dan kebocoran sumber, serta bersungguh mengelakkan pembaziran. Rakyat mahukan urus tadbir yang telus dan amanah serta bebas daripada perbuatan pecah amanah dan perlakuan rasuah. Amatlah penting untuk kerajaan Beta mendengar dan memahami keresahan yang sedang dihadapi rakyat, antaranya pengangguran, kos sara hidup yang tinggi, jaminan bekalan dan keselamatan makanan, kelestarian alam sekitar, juga kemudahan-kemudahan pendidikan, kesihatan, perumahan serta perhubungan awam dan komunikasi digital yang berkualiti. Oleh itu kerajaan Beta akan memikirkan langkah-langkah strategik bersama Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan iklim pelaburan yang meyakinkan semoga dapat menambah peluang pekerjaan, menangani kos sara hidup rakyat, serta mengikhtiarkan langkah yang dapat menjamin bekalan dan keselamatan makanan, juga menambah baik kemudahan-kemudahan sosial dan perkhidmatan. Penuhilah harapan rakyat – penuhilah amanah rakyat.

17. Dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu, dalam situasi negara sedang menghadapi bebanan hutang yang tinggi, perbelanjaan negeri akan memberikan fokus kepada perkara-perkara yang menghasilkan manfaat langsung kepada rakyat di samping melaksanakan secara bersungguh langkah-langkah berjimat cermat dan menghentikan perbelanjaan-perbelanjaan berunsur pembaziran. Kerajaan Beta akan mengambil ingatan mesej utama rakyat semasa PRU-15 yang menolak amalan rasuah, ketirisan kewangan, salah guna kuasa dan perbuatan pecah amanah.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

18. Dewan Negeri ialah sebuah institusi perundangan. Dewan Negeri bertanggungjawab menimbang, membahaskan dan meluluskan enakmen negeri. Ahli-ahli Dewan Negeri mempunyai tanggungjawab untuk memelihara kemuliaan dewan ini, menjadikannya dewan syura yang penting lagi dihormati, membincangkan perkara-perkara yang substantif dalam adab dan budaya yang tertib lagi bersopan, tanpa perlu menggunakan kata-kata yang tidak sopan atau meninggikan suara. Ahli-ahli Dewan Negeri dipilih oleh rakyat, dan berperanan sebagai juru bicara bagi pihak rakyat. Dewan ini berperanan penting memenuhi peranan semak dan imbang kepada cabang eksekutif, membolehkan ahli-ahli menyuarakan teguran dan menyampaikan maklum balas mengenai program-program yang dilaksanakan oleh cabang eksekutif. Masa perbahasan yang cukup perlu diberikan kepada ahli-ahli dewan untuk dapat mengambil bahagian secara membina semasa perbahasan. Pada masa yang sama dewan ini bukan juga tempat untuk senantiasa mencari kesalahan sehingga masa perbahasan dibazirkan bercakap perkara-perkara picisan yang remeh temeh.

19. Demi memastikan budaya demokrasi terus segar dan subur di bumi ini, ahli-ahli Dewan hendaklah mengambil tanggungjawab berada di barisan hadapan, mewakili suara kesederhanaan – mendendangkan lirik persefahaman, mengalunkan simfoni keharmonian ke arah membina persekitaran beragama dan berbudaya yang mencerminkan semangat keterangkuman (inclusiveness) dan saling menghormati antara kaum – antara agama di negara ini.

20. Semoga Negeri Perak Darul Ridzuan dilimpahi rahmat, keamanan dan kemakmuran, serta rakyatnya terus diberkati dan dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataála dengan taufik dan hidayah. Dengan lafaz:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Beta merasmikan Pembukaan Tahun Pertama, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Kelima Belas.

**SETIAUSAHA:** Seterusnya bacaan doa oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

**SS MUFTI:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وأصحابه أجمعين اللهم إنا نسألك بأسمائك الحسنى، وصفاتك العظمى، وكلماتك التامة، ورحمتك العامة، أن تجعل الافتتاح الرسمي لديوان مجلس الشعب فيراق دار الرضوان، موقفاً ومفعماً بالخير والبركات، ومكثلاً بالرعاية والعناية، برحمتك يا أرحم الراحمين.

اللهم يا فتاح يا عليم،

Anugerahkan Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Pertama Dewan Negeri Yang Kelima Belas Perak Darul Ridzuan yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Al Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al Maghfurullah. Keberkatan dan rahmat yang berkekalan serta riayah dan inayahMu yang berterusan.

اللهم يا قوي يا متين،

Kurniakan kepada kami dan para Ahli Dewan Negeri Perak taufik dan hidayah, kesihatan dan keafiatan, kebaikan dan kebajikan, kejujuran dan keikhlasan, keluhuran dan kebijaksanaan di sepanjang berlangsungnya persidangan ini. Semoga dengan demikian, para Ahli Dewan Negeri Perak dapat melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan di samping menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dengan penuh ketaatan dan kesetiaan sehingga terangkatlah martabat Negeri Perak Darul Ridzuan dan sekalian rakyatnya ke puncak kecemerlangan dan kegemilangan.

اللهم يا ذاالملك والملكوت، ويا ذاالعزة والجبروت،

Anugerahkan taufik dan hidayah, inayah dan riayah, keselamatan dan penjagaan, kesihatan, kesejahteraan yang berterusan lagi berkekalan kepada Sultan yang kami kasihi, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al Maghfurlah. Lanjutkan usia baginda dalam keadaan sihat dan afiyah, bersemayam di atas takhta pemerintahan Negeri Perak Darul Ridzuan dengan bertambah-tambah darjah kebesaran, kemuliaan dan kedaulatan sehingga rakyat sekalian dapat bernaung di bawah naungannya dalam keadaan aman dan damai, sejahtera dan sentosa serta makmur lagi bahagia. Demikian jua Ya Allah kami pohonkan keselamatan dan kesejahteraan di atas Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim. Seterusnya kepada Yang Amat Mulia Putra Putri Baginda serta para kerabat diRaja sekalian.

اللهم يا مھمين يا سلام،

Keselamatan dan kesejahteraan jua kami pohonkan Ya Allah ke atas para pemimpin negeri ini serta sekalian rakyat di mana jua berada. Hindarkanlah kami daripada segala mara bahaya, perselisihan dan perpecahan, perseteruan dan permusuhan yang mengakibatkan kerugian dan kemunduran. Selamatkanlah negeri dan negara kami daripada sebarang ancaman dan huru-hara, jangkitan wabak dan penyakit serta

bala dan bencana agar hidup kami aman bahagia, menjalinkan mahabbah dan bersatu padu antara rakyat yang berbilang kaum.

ربنا عليك توكلنا وإليك أنبنا وإليك المصير،  
ربنا آتتنا في الدنيا حسنة، وفي الآخرة حسنة، وقنا عذاب النار.  
وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين، والحمد لله رب العالمين.

**SETIAUSAHA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Dewan ini dan Dewan akan bersidang semula pada hari Rabu, 21 Disember 2022 jam 9.00 pagi. Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan.